

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**


#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Malaysia merupakan sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum yang bertutur dalam pelbagai bahasa. Selama ini, pelbagai dasar pendidikan terhasil sejajar dengan perkembangan sejarah pendidikan di negara ini. Oleh itu, di samping sekolah menengah kebangsaan, terdapat juga sekolah menengah persendirian Cina yang ditubuh dan diusahakan oleh masyarakat Cina. Bahan pengajaran sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah persendirian Cina didapati berbeza. Umumnya, sekolah menengah persendirian Cina mematuhi dasar pendidikan yang diedarkan oleh kerajaan, tetapi mempunyai hak tertentu dari segi penggunaan pengantar pengajaran dan penyusunan sukanan pelajaran. Bahasa pengantar pengajaran yang digunakan ialah bahasa Cina. Proses penubuhan sekolah menengah persendirian Cina akan dibincangkan selanjutnya dalam Bab 2.

Sebelum tahun 1961, corak pengajaran, kandungan dan bentuk bahan pengajaran bahasa Cina didapat mencontohi corak pengajaran tradisional negara China. Pada tahun 1962, Akta Pendidikan 1961 dilaksanakan. Mengikut Akta ini, kerajaan hanya memberi subsidi kepada sekolah menengah kebangsaan atau

sekolah menengah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran masing-masing. Dengan kata lain, sekolah Cina atau sekolah vernakular yang lain perlu menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran jika mereka ingin memperoleh subsidi kerajaan. Akhirnya, sebahagian daripada sekolah menengah Cina yang enggan menerima perubahan sistem ini telah menjadi sekolah menengah persendirian Cina. Pada masa itu, masih tidak terdapat bahan pengajaran yang seragam di sekolah menengah persendirian Cina kerana masih tidak ada sistem yang lengkap dalam merangka penghasilan bahan pengajaran. Sehingga tahun 1973, setelah Dong Jiao Zong, iaitu Penggabungan Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dengan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), mencadang dan meluluskan “Cadangan Bahasa Cina Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia”, barulah rangka bahan pengajaran bahasa Cina dihasilkan. Bahan pengajaran bahasa Cina ini dihasilkan berpandukan keperluan masyarakat berbilang kaum di negara Malaysia yang sedang membangun pada masa itu. Dong Jiao Zong adalah badan yang bertanggungjawab menentukan sukanan pelajaran, peperiksaan seragam dan sebagainya untuk seluruh sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia. Struktur organisasi Dong Jiao Zong dapat diperlihatkan menerusi Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Struktur Organisasi Dong Jiao Zong**



Tahun 1973 merupakan tahun yang penting dalam penentuan bahan pengajaran sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia. Bermula dari tahun itu, banyak pembaharuan telah dilakukan oleh sekolah menengah persendirian Cina dalam bidang pendidikan. Bahan pengajaran bahasa disediakan berdasarkan prinsip mengutamakan keperluan masyarakat negara ini. Dalam tahun 1976, suatu jawatankuasa penyusunan sukanan pelajaran seragam telah ditubuhkan oleh Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Menengah Persendirian Cina (Dong Zong) untuk menyusun sukanan pelajaran yang seragam dan menghasilkan satu siri buku teks untuk semua mata pelajaran. Pada akhir 70-an hingga awal 90-an, jawatankuasa ini telah berjaya menghasilkan buku teks untuk semua mata pelajaran. "Buku Teks Seragam Sekolah Menengah Persendirian Cina" telah ditetapkan sebagai bahan pengajaran mata pelajaran bahasa Cina dan diterbitkan secara beransur-ansur dari tahun 1984 sehingga versi lengkap dihasilkan pada tahun 1991. Bahan pengajaran yang dihasilkan ini mempunyai perbezaan dengan bahan pengajaran yang sedia ada di sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia, sama ada dari segi kandungan ataupun bentuk. Akan tetapi, menurut laporan "Kajian Awal Penyeragaman Sukanan Pelajaran Sekolah Menengah Persendirian Cina"<sup>1</sup>, bahan pengajaran ini mempunyai banyak kelemahan, di antaranya seperti: kosa kata dalam buku teks terlalu sukar untuk difahami, bahan kandungan yang dipilih didapati ketinggalan zaman, liputan kandungan buku terlalu luas, tahapnya terlalu tinggi dan terdapat kesilapan maklumat. Pada masa yang sama, juga didapati bahawa keupayaan

---

<sup>1</sup> Laporan ini diedarkan oleh Dong Jiao Zong pada 3.1.1992.

pembelajaran para pelajar masih lemah, keputusan pelajar tidak menunjukkan kemajuan yang ketara, dan bahan pengajaran tersebut tidak setara dengan corak perkembangan pengajaran bahasa yang terkini. Akibat ini, pembaharuan bahan pengajaran dilakukan oleh Dong Jiao Zong.

Sejak tahun kebelakangan ini, perkembangan ekonomi dunia semakin tertumpu ke kawasan Asia setelah negara China mengamalkan dasar terbuka. Kedudukan dan penggunaan bahasa Cina turut menjadi semakin penting. Demi menghadapi perkembangan pendidikan dan teknologi maklumat yang pesat pada abad ke-21, Bahagian Sukatan Pelajaran yang ditubuh oleh Dong Jiao Zong telah mengemukakan cadangan yang lebih mencabar tentang corak pengajaran bahasa Cina. Selaras dengan itu, satu "Bengkel Perancangan Penyeragaman Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Persendirian Cina abad ke-21" telah diadakan pada 20 Ogos 1992 untuk merancang, menyesuaikan dan memperbaiki perkara-perkara seperti sukanan pelajaran, objektif dan kandungan pengajaran serta cara penggunaan bahan pengajaran bahasa Cina secara menyeluruh, agar memenuhi keperluan zaman moden. Objektif bengkel ini adalah untuk menyemak semula dan memperbaiki sukanan pelajaran mata pelajaran bahasa Cina. Jawatankuasa bengkel itu telah menyemak semula perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) Kepraktisan dan objektif pengajaran bahasa Cina di sekolah Cina dalam negeri, dan
- (ii) Cadangan dan penentuan "Huraian Sukatan Pelajaran bahasa Cina Sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia".

Terdapat dua aspek penting yang akan dibincangkan, iaitu: pengajaran dan susun atur mata pelajaran bahasa Cina. Dari segi pengajaran bahasa Cina, jawatankuasa itu telah membincangkan sukanan pelajaran, objektif dan kandungan pengajaran serta cara penggunaan bahan pengajaran. Dari segi susun atur pula, "Buku Teks Seragam Sekolah Menengah Persendirian Cina" yang sebelum ini disusun mengikut cara tradisional telah diganti dengan latihan jenis topikal yang merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Jawatankuasa itu juga mengemukakan cadangan untuk mengemaskini dan memperbaiki bahan pengajaran yang sedia ada.

Buku teks yang digunakan di sekolah menengah persendirian Cina pada hari ini sebenarnya telah mula digunakan di seluruh negara sejak Disember 1993 hingga Mei 1994. Bahan pengajaran baru disediakan berdasarkan keperluan generasi baru dan disusun berdasarkan pengalaman pembaharuan pendidikan yang dijalankan oleh pakar pendidikan Cina serta segala ajaran yang diperoleh daripada penggunaan bahan pengajaran awal sebelum ini.

Mata pelajaran bahasa Cina mempunyai fungsi-fungsi yang penting dalam pendidikan sekolah menengah persendirian Cina. Dari segi tradisi, bahasa Cina mewarisi budaya Cina, membangunkan etika bangsa Cina serta membolehkan pembelajaran kesusastraan. Dari segi pembelajaran bahasa pula, mata pelajaran bahasa Cina berfungsi membantu penguasaan kebolehan yang asas untuk memahami bahasa. Jadi, pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran

bahasa Cina merupakan tugas yang tidak mudah dilaksanakan. Akan tetapi, dari segi kajian bahasa Cina di sekolah menengah persendirian Cina, masih tiada sarjana yang pernah menyelidiki hubungan dan pengaruh di antara buku teks bahasa Cina dan pelajar dari sudut ilmiah. Oleh itu, penyelidik telah memilih buku teks bahasa Cina edisi baru ini sebagai tumpuan kajian ini.

## **1.2 Peranan Buku Teks Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

Dalam proses melaksanakan sukatan pelajaran, guru dan bahan pengajaran merupakan dua sumber pembelajaran yang penting bagi pelajar. Oleh itu, latihan untuk menghasilkan guru yang berdedikasi dan penyediaan bahan pengajaran yang bermutu merupakan perkara penting untuk mempertingkatkan keberkesanan pendidikan. Secara umum, bahan pengajaran terdiri daripada jenis buku seperti buku teks, buku panduan guru dan buku latihan, dan jenis bukan buku seperti filem, slaid, video, kaset, cakera dan sebagainya.

Dengan perkembangan teknologi cetakan sejak beberapa abad ini, buku teks memainkan peranan yang semakin penting dalam sukatan pelajaran dan pengajaran. Para sarjana dan pakar pendidikan seperti Eramus (1469-1536), Comenium (1592-1670), Pestalozzi (1746-1821) dan Ushiasky (1824-1870) pernah menyumbang tenaga dalam perkembangan buku teks sekolah<sup>2</sup>. Sumbangan mereka telah memberikan kesan yang mendalam terhadap kandungan pengajaran

---

<sup>2</sup> Kajian berkenaan topik sebagai unsur subjek telah diaplikasikan oleh Walberg & Haertel dalam "International Encyclopedia Of Educational Evaluation".

di sekolah (Walberg dan Haertel, 1990: 205). Dapatan kajian mereka itu menunjukkan bahawa dengan adanya buku teks yang bermutu, guru boleh melakukan aktiviti pengajaran yang lebih berkesan dengan melibatkan pelajar secara aktif seperti perbincangan, membaca, memberi tugas kepada pelajar serta merancang aktiviti kumpulan untuk menggalakkan penglibatan pelajar di dalam kelas. Walaupun dalam tahun kebelakangan ini, teknologi sains dan elektronik telah berkembang pesat dan menyebabkan penggunaan alat pandang dengar menjadi semakin popular dalam pengajaran, namun buku teks masih merupakan sumber pengajaran yang terpenting dan bahan pengajaran yang paling lumrah digunakan di sekolah (Tamir, 1989: 391). Keadaan ini berkaitan dengan sebab bahawa buku teks mempunyai peranan yang penting dalam pengajaran, senang diperoleh dan mudah dibawa ke mana-mana.

Memandangkan buku teks memainkan peranan yang begitu penting sebagai sumber pengajaran dan bahan pembelajaran di sekolah, ia semestinya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pengajaran dan pembelajaran. Tiga keadaan yang dibincangkan berikut sekali lagi membuktikan kepentingan buku teks dalam proses pengajaran yang sebenar:

- a. **Sekolah memandang berat tentang pengetahuan yang dapat diperoleh melalui buku teks**

Selama ini, buku teks di mana-mana negara pun kebanyakannya dihasilkan oleh para cendekiawan dan guru yang berpengalaman. Golongan yang menghasilkan buku teks ini telah mempertimbangkan faktor-faktor seperti objektif

pendidikan, mutu sukatan pelajaran, pengetahuan sains, pembangunan masyarakat, serta hubungan antara guru dan pelajar. Dengan ini, sudah tentu kandungan buku teks memiliki nilai pendidikan yang tinggi. Di samping itu juga, oleh sebab semangat cintakan negara dan kebudayaan masyarakat sering disemai dalam buku teks, jadi sekali lagi kesesuaian dan kewibawaan buku teks terpelihara. Oleh itu, selama ini, buku teks mempunyai status yang penting di sekolah, kandungannya dianggap tidak ternilai, penekanan sentiasa diberikan dan peranannya kelihatan semakin penting (Liphart, 1881). Di Malaysia, dapatan kajian yang sama turut diperoleh Isahak (1977). Menurut beliau, satu-satunya dasar yang boleh dikawal oleh pihak sekolah untuk memastikan keseimbangan atau persamaan peluang untuk pendidikan yang cemerlang ialah menentukan semua pelajar mendapat bekalan buku teks yang mencukupi atau bahan pemelajaran yang lain.

### **b. Kandungan buku teks akan menentukan kandungan pengajaran**

Biasanya, guru tidak dapat mengumpul dan menyusun atur bahan pengajaran sendiri akibat faktor pengaruh seperti keupayaan diri yang terhad, masa yang tidak mencukupi, sikap bergantung pada orang lain, hambatan sistem peperiksaan dan sebagainya. Jadi, apa yang terkandung dalam teks akan diguna oleh guru dalam pengajaran atau dijadikan panduan untuk menentukan perkembangan pengajaran.

Banyak kajian telah membuktikan hal yang disebut di atas, antara lain

kajian Stake (1982) dan Easley (1988) telah menunjukkan bahawa kandungan pengajaran guru berasal daripada buku teks dan buku panduan guru, dan bukannya bahan pengajaran yang dicari sendiri (Gall, 1981: 10). Kajian Woodward tentang keadaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah Amerika mendapati bahawa sebanyak 90% daripada kandungan pengajaran merupakan kandungan dalam buku teks dan buku panduan guru (1981: 511). Keadaan sedemikian juga merupakan trend di Malaysia, misalnya kajian Gao Xing Jian (1991) menunjukkan terdapat lebih daripada 90% guru di sekolah rendah kebangsaan yang mengajar berdasarkan buku teks.

Jelas bahawa, dalam keadaan pengajaran yang sebenar, kandungan buku teks selalunya menentukan kandungan pengajaran. Dengan kata lain, sama ada penyusunan buku teks memenuhi paduan sukanan pelajaran atau tidak, ia masih menentukan perlaksanaan sukanan pelajaran, di samping menentukan jenis, masa dan cara pengajaran.

c. **Kaitan langsung antara kesesuaian buku teks dengan pencapaian akademik dan keberkesanannya pembelajaran**

Banyak kajian menunjukkan bahawa dengan menggunakan buku teks sebagai bahan pengajaran utama, masa pelajar berinteraksi dengan buku teks adalah melebihi masa pelajar berinteraksi dengan guru. (Gall, 1981:10-11). Ini adalah kerana pelajar perlu membuat latihan, membaca, membuat kerja rumah dan membuat persiapan untuk peperiksaan. Oleh sebab terdapat hubungan rapat antara

pelajar dengan buku teks, maka pencapaian akademik dipengaruhi secara langsung oleh buku teks.

Menurut kajian Wen Wan Ming, jika bahan pengajaran bahasa yang dihasilkan tidak sesuai, ia akan menyusahkan tugas pengajaran bahasa. Menurut beliau lagi, jika buku teks yang dihasilkan tidak dapat menarik minat belajar, maka didapati kesan pengajaran tidak akan memuaskan (1989 : 29 – 35).

Tajuk pelajaran dan kandungan buku teks juga memainkan peranan penting terhadap pembelajaran dan pemikiran para pelajar. Kajian Nathkalia menunjukkan bahawa kesedaran yang disampaikan melalui kandungan dalam buku menghasilkan pengaruh secara beransur-ansur terhadap pelajar (1980 : 209 –223).

Bukti-bukti di atas menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh buku teks dalam mempengaruhi proses dan kualiti pengajaran. Jadi, dalam usaha menghasilkan bahan pengajaran, hubungan antara buku teks dan pelajar haruslah diberikan perhatian yang sewajarnya.

### **1.3 kajian Berkaitan Terhadap Buku Teks Bahasa Cina**

Kajian berkaitan yang dijalankan oleh cendekiawan luar negara terhadap buku teks bahasa Cina dapat dibahagikan kepada tiga jenis. Jenis pertama merupakan analisis kandungan buku teks. Kajian jenis pertama ini lebih

menumpukan perhatian terhadap tajuk-tajuk tertentu dalam menganalisis penyampaian kandungan buku teks.

Jenis kedua melibatkan kajian tentang penghasilan kandungan buku teks, yang biasanya melibatkan para penulis dan penyunting, dengan membincangkan prinsip penghasilan buku teks atau masalah yang timbul dalam proses penghasilan.

Jenis ketiga pula merupakan kajian persepsi golongan tertentu terhadap buku teks yang digunakan. Jenis kajian ini biasanya melibatkan sample yang besar melalui borang soal selidik dan temu ramah, dan pendapat dikumpulkan secara meluas. Sampel kajian ini merangkumi pelajar, guru, para pendidik, dan pakar mata pelajaran.

Berikut merupakan kajian berkaitan persepsi tentang buku teks yang dilakukan oleh para cendekiawan luar negara:

### **1. Kajian He Mei Ling (1981)**

Dewasa ini, kajian dan analisis yang menyeluruh tentang buku teks bahasa di luar negara kurang didapati. Di Malaysia pula, tidak terdapat kajian yang sedemikian. Oleh itu, penyelidik telah memanfaatkan kajian He Mei Ling (1981) dari segi pengambilan sampel, pengendalian data dan metode kajian.

He (1981) telah menjalankan kajian tentang persepsi pelajar terhadap buku teks yang melibatkan 760 orang pelajar menengah rendah di lapan buah sekolah menengah di Taipei. Berikutnya adalah ciri-ciri kajiannya.

#### A) Ciri-ciri unik dalam pengambilan sampel kajian

Walaupun kajian He berasaskan pandangan pelajar menengah rendah di Bandar Taipei tentang pembelajaran bahasa Cina, akan tetapi, bahagian kedua borang soal selidiknya melibatkan pandangan pelajar sama ada mereka suka atau tidak suka dan kesukaran pelajaran dalam buku teks bahasa Cina jilid kelima dan keenam yang dipakai di sekolah-sekolah Taiwan. Memandangkan cuma pelajar tingkatan menengah tinggi satu yang pernah mempelajari buku teks itu, demi mengetahui sama ada ciri-ciri dan tahap pelajaran dalam buku teks bahasa Cina bagi tingkatan menengah rendah dan tingkatan menengah tinggi berkesinambungan, maka pandangan pelajar tingkatan menengah turut diselidiki.

Umumnya, soal selidik tersebut melibatkan pelajar tingkatan menengah rendah satu hingga tiga dan pelajar tingkatan menengah tinggi satu. Sampel kajian terdiri daripada wakil pelajar lelaki dan perempuan dari setiap sekolah. Sampel pelajar yang dipilih itu terdiri daripada tahap keupayaan belajar yang berbeza.

Kajian ini bersifat objektif kerana sampel pelajar yang diambil terdiri daripada tahap keupayaan yang berlainan, jantina yang berlainan, tingkatan yang berlainan dan latar belakang pembelajaran yang berlainan.

#### **B) Ciri-ciri unik metode kajian**

He (1981) telah menggunakan metode rujukan kajian-kajian istilah Cina berkaitan dan borang soal selidik. Kajiannya didapati berasaskan kajian-kajian sarjana seperti G. Stanley Hall, C. Darwain, Sigmund Freud, Arnold Gesell, Otto Rank, Harry Stack Sullivan, Erik Erikson, Eduard Spranger, Jean Piaget, Harighurst dan sebagainya, khususnya tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran. Borang soal selidik He dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu: bahagian objektif yang terdiri daripada 35 soalan, dan bahagian subjektif yang terdiri daripada 3 soalan utama. Sebelum menyelidiki pandangan dan respons pelajar terhadap buku teks, He telah mengumpul data tentang tujuan dan harapan pembelajaran, perasaan dan cara pembelajaran, kesukaran pelajaran dan pembacaan serta sebab-sebabnya. Dengan itu, hubungan antara sikap pelajar dan buku teks dapat dikenal pasti.

#### **C) Dapatkan kajian He (1981)**

- a. Dari segi tujuan dan harapan pembelajaran, pelajar berharap agar keupayaan mereka terutamanya keupayaan menulis, diikuti dengan

keupayaan berfikir, dapat dipertingkatkan melalui pembelajaran bahasa Cina. Di samping itu, didapati bahawa tujuan pembelajaran para pelajar adalah berbeza. Maka, fokus pembelajaran turut berbeza. Ini menyebabkan hasil pembelajaran berbeza bagi setiap individu.

- b. Dari segi bahan pengajaran, pelajar berpendapat bahawa minat pembelajaran bahasa Cina bergantung kepada sama ada bahan pengajaran dapat menarik minat belajar, diikuti dengan sama ada cara pengajaran guru dan bahan pengajaran sesuai dengan keupayaan pelajar.
- c. Dari segi pilihan jenis teks, kebanyakan pelajaran yang digemari dan senang dibaca ialah teks jenis naratif, diikuti dengan teks jenis meluahkan perasaan. Sajak dan puisi tentang pemandangan atau luahan perasaan turut diminati oleh pelajar. Dari segi kandungan pelajaran, jenis teks yang suka dibaca dan senang dibaca dapat dibahagi kepada 5 jenis utama, iaitu:
  - (i) Watak, hal atau benda yang dikisahkan dalam teks membolehkan pelajar berasa mesra dan selesa, selaras dengan pengalaman dan bidang pengetahuan pelajar. Kosa kata dalam teks juga mudah difahami.

- (ii) Teks yang ditulis dengan penuh perasaan dan merupakan kisah sebenar.
- (iii) Teks perbualan.
- (iv) Watak dalam teks yang memperlihatkan keperibadian murni dan disanjung tinggi.
- (v) Teks yang dapat membina persepsi hidup yang positif.

Sebagai rumusan kajian, He berpendapat bahawa kecekapan dan keupayaan pembelajaran cuma dapat diperoleh jika pelajar banyak menulis, membaca dan melatih, terutamanya banyak membaca buku-buku tambahan selain buku teks ( 1981 : 140 ).

Bahan pengajaran yang dipilih atau disusun perlu sesuai dengan minat dan keupayaan pelajar atau dapat menarik minat pelajar demi mendorong mereka belajar dengan tekun. Di samping itu, kandungan pelajaran perlu selaras dengan perkembangan mental pelajar dan seterusnya memperkembangkan keupayaan mental pelajar. Kandungan bahan pengajaran pula perlu berkait rapat dengan kehidupan sebenar untuk menarik minat pelajar.

## 2. Kajian Zhou Tian Ci (1981)

Zhou Tian Ci (1981) telah membuat kajian terhadap pandangan pelajar tingkatan menengah rendah di Taiwan terhadap buku teks bahasa Cina yang digunakan. Beliau telah menggunakan lima kategori pengukuran untuk menggambarkan teks yang dipelajari, iaitu “serius –

lucu”, “membosankan – menarik”, “menyenangkan – mencemaskan”, “moden – lama”, dan “lucu – menjijikkan”.

Pelajar diminta menggunakan lima kategori ini untuk menyatakan markah 1 hingga 5 terhadap pelajaran tertentu. Analisis kajiannya, menunjukkan bahawa respons dan keinginan pembelajaran bahasa Cina para pelajar berkait rapat dengan peperiksaan bahasa Cina mereka. Dengan itu, beliau mengesyorkan bahawa para guru harus mengambil kira minat pelajar dalam pemilihan bahan pengajaran.

### **3. Kajian Ouyang Ru Ying (1989)**

Ouyang Ru Ying (1989) telah komen tentang bahan pengajaran bahasa Cina di Hong Kong. Beliau mengatakan bahawa:

“Prinsip pemilihan bahan pengajaran bukan sahaja perlu ‘melatih keupayaan bahasa pelajar’, ‘meningkatkan pengenalan pelajar terhadap budaya Cina’ dan ‘masyarakat berpolitik’, malah ia seharusnya berfungsi mendorong pembelajaran, menarik minat pembelajaran dan mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran.” (ms 21)

Pada pendapat beliau, jawapan tentang sama ada pelajar menaruh minat belajar terhadap sesuatu pelajaran perlu diperoleh melalui kajian secara objektif.

#### **4. Kajian Jiang Feng (1995)**

Jiang Feng (1995) telah membuat kajian terhadap penilaian seramai 80 orang pelajar dari 14 buah sekolah menengah di Hong Kong tentang bahan pengajaran bahasa Cina.

Menurut hasil kajian ini: motif pembelajaran, perasaan dan pandangan pelajar terhadap bahan pengajaran memperlihatkan pengaruh langsung terhadap keberkesanan objektif pengajaran. Beliau mengesyorkan bahawa pemilihan bahan pengajaran perlu memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- a. Setara dengan keperluan dan perkembangan mental pelajar,
- b. Setara dengan keperluan hidup, dan
- c. Berasaskan objektif pengajaran.

#### **5. Kajian Qu Jun Ming (96)**

Qu Jun Ming (1996) telah membuat kajian tentang persepsi keseluruhan terhadap bahan pengajaran daripada 126 orang pelajar di sekolah menengah di Singapura. Beliau menggunakan cara penilaian yang meminta pelajar untuk menyampaikan pandangan mereka dengan membahagikannya kepada 4 tahap, iaitu 1 markah diberikan apabila sangat bersetuju, 2 markah apabila tidak bersetuju, 3 markah apabila bersetuju, dan 4 markah apabila sangat bersetuju.

Hasil yang diperoleh beliau dalam kajian ini ialah: walaupun kandungan bahan pengajaran bukanlah satu-satunya faktor yang mendorong pelajar untuk mempelajari bahan pengajaran, akan tetapi ia merupakan salah satu faktor yang penting. Oleh itu, beliau telah mencadangkan:

- a. Sebelum menentukan bahan pengajaran, pihak yang bertanggungjawab dalam penghasilan bahan pengajaran seboleh-bolehnya menyedari minat dan perkembangan mental para pelajar.
- b. Guru-guru bolehlah menggunakan kaedah pengajaran yang menarik atau dengan bantuan bahan pengajaran sampingan dan alat bantu pengajaran untuk mempertingkatkan minat pelajar terhadap bahan pengajaran, dan seterusnya belajar secara berkesan.
- c. Ketika memilih bahan pengajaran tambahan untuk meningkatkan kesan pengajaran, guru seboleh-bolehnya memahami minat pelajar lalu memilih bahan pengajaran yang sesuai untuk individu yang berlainan.

- d. Guru seharusnya mengesyorkan buku bacaan tambahan kepada pelajar di samping membimbing mereka dalam proses pembacaan.
- e. Sebelum pihak perpustakaan sekolah membeli buku-buku, kajian tentang minat membaca pelajar perlu dilakukan terdahulu.

Sebagai kesimpulan, pemilihan bahan pengajaran perlu mengambil kira pandangan pelajar. Walau bagaimanapun, bahan pengajaran tidak seharusnya disedia semata-mata berdasarkan minat pelajar sahaja, jika tidak, seperti kata Zais, ia hanya akan menonjolkan ideologi individu dan mengetepikan keperluan serta kepentingan masyarakat yang lain (1976 : 43). Oleh yang demikian, pandangan pelajar, guru, pakar akademik dan golongan masyarakat perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, kebanyakan ahli akademik dan kajian cendekiawan mendapati bahawa psikologi, keupayaan, keperluan dan masalah pelajar perlu dipertimbangkan supaya kajian dan semakan dapat dilakukan terhadap bahan pengajaran.

#### **1.4 Ilham Yang Diperoleh Menerusi Kajian Berkaitan Terhadap Metode Kajian Ini**

Dua aspek penting dapat diperoleh melalui kajian ilmiah yang tersebut diatas :

##### **a. Dari segi pemilihan sasaran kajian**

Sasaran kajian didapati berbeza mengikut tujuan kajian yang berlainan. Misalnya, sasaran kajian boleh terdiri daripada banyak buah sekolah dengan melibatkan banyak pelajar, dan ada yang melibatkan beberapa buah sekolah tetapi banyak pelajar, dan ada yang melibatkan pelajar dengan tahap keupayaan yang berbeza sahaja. Manakala sasaran kajian juga boleh terdiri daripada jantina yang berlainan, tahap keupayaan pembelajaran yang berlainan atau tahap penguasaan bahasa Cina yang berlainan.

Sebagai contoh, Qu (1995) telah membuat kajian yang melibatkan pelajar tingkatan 3, 4 dan 5 dengan tahap keupayaan berbeza, iaitu menggunakan pelajar kelas cemerlang dan kelas biasa sebagai sasaran kajian. Kajian He (1981) pula melibatkan pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 dengan tahap keupayaan yang berbeza. Manakala Zhou Tian Ci mengambil sasaran kajian daripada sekolah yang sama tetapi berbeza dari segi jantina, keputusan bahasa Cina, dan tahap keupayaan.

Sama ada kajian yang telah dijalankan itu melibatkan sebuah sekolah atau banyak sekolah, cara pengambilan sampel yang sama atau berlainan, kajian-kajian sedemikian memang relevan sebagai bahan rujukan untuk kajian ini .

**b. Ilham yang diperoleh melalui metode kajian yang berkaitan**

Kajian-kajian berkaitan yang dinyatakan tadi merupakan contoh-contoh relevan bagi kajian buku teks. Ini adalah kerana data yang dikumpul itu merangkumi satu tempoh masa yang lama. Analisis datanya teliti. Kaedah temu ramah formal dan tak formal, juga dipaparkan di samping analisis kandungan buku teks, penghasilan buku teks atau persepsi pihak-pihak tertentu terhadap buku teks.

Selain itu, sasaran kajian melibatkan golongan remaja yang akan mengalami perubahan dari segi mental dan paduan hidup. Namun, He (1981) berjaya membuat penyelarasan sejajar dengan psikologi dan pendidikan terhadap hasil kajiannya. Perkara ini bolehlah dijadikan teladan bagi penyelidik yang lain.

He (1981) mengendalikan soal selidiknya sendiri di salah satu sekolah yang terpilih di Taipei. Semua borang soal selidik yang lain

dilaksanakan melalui pos atau menerusi bantuan guru-guru di sekolah. Walaupun cara tersebut dapat menjimatkan masa, namun kajian yang selanjutnya perlu dilakukan untuk memastikan sama ada ia mempengaruhi kebolehpercayaan sesebuah kajian.

Tesis ini tertumpu kepada sudut pandangan pelajar terhadap penggunaan buku teks bahasa Cina dalam bilik darjah. Oleh kerana masih belum terdapat sebarang kajian seumpama ini di negara ini dijalankan, pengkaji terpaksa merujuk kajian-kajian lampau di luar negara sebagai panduan untuk kajian ini.

## 1.5 Tujuan Kajian

Buku teks merupakan alat yang membekalkan pengetahuan seragam dan kandungan semasa dalam sistem pendidikan sekolah menengah di kebanyakan negara. Akibat penilaian dibuat berdasarkan peperiksaan untuk melanjutkan pelajaran, maka pembelajaran telah dihadkan oleh kandungan peperiksaan dan ruang pembelajaran yang luas turut disekat (Jawantankuasa Pembaharuan Pendidikan Institusi Pentadbiran, 1996; Huang Zheng Jie, 1991). Di samping itu, walaupun berlakunya interaksi di antara guru dan pelajar dalam proses pembelajaran di sekolah, apabila buku teks digunakan sebagai bahan pengajaran utama, maka interaksi di antara pelajar dan buku teks adalah lebih

kerap daripada interaksi pelajar dan guru (Gall, 1981: 10 - 11). Fenomena ini berkait rapat dengan keperluan pelajar membuat latihan buku kerja, membaca, menyiapkan kerja rumah dan bersiap sedia untuk peperiksaan. Dengan itu, peranan buku teks dalam proses pembelajaran menjadi semakin ketara.

Pencapaian akademik pelajar terpengaruh akibat hubungan rapat antara pelajar dan buku teks. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa buku teks mempunyai kesan mendalam secara langsung mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Hyneman et al, 1981: 239 – 44). Dengan kata lain, buku teks memainkan peranan yang amat penting dalam proses pengajaran, malah kualiti buku teks mempunyai pengaruh kuat terhadap keberkesanan pengajaran. Kerjasama dari semua pihak diperlukan jika mutu buku teks ingin dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, sama ada berdasarkan teori atau pandangan pelajar, pembaharuan buku teks bergantung kepada kajian yang dijalankan untuk dijadikan rujukan dan cadangan bagi pembaharuan ini.

Umumnya, sarjana dan pakar pendidikan di Eropah turut mengkaji hubungan di antara pembelajaran bahasa dan bahan pengajaran. Mereka berpendapat bahawa minat pelajar terhadap bahan pengajaran dalam proses pembelajaran bahasa merupakan perkara yang harus diberikan perhatian (Bellonie & Jongsma, 1978; Stevens, 1979; Asher, 1980; Hidi & Baird, 1983; Anderson et al, 1984; Entin & Klare, 1985; Renninger, 1988; Reeninger, Hidi & Krapp, 1992).

Selain daripada kajian tentang hubungan di antara pembelajaran bahasa dan bahan pengajaran, kajian berdasarkan golongan tertentu yang menggunakan bahan pengajaran juga merupakan salah satu cara utama yang digunakan oleh sarjana untuk menjalani kajian tentang buku teks. Soal selidik melalui borang telah digunakan oleh para sarjana terhadap golongan penyunting buku teks, guru sekolah menengah dan pelajar, untuk memperoleh pandangan golongan ini terhadap buku teks. Di antaranya, sarjana dari Taiwan (He Mei Ling, 1981; Zhou Tian Ci, 1981), Hong Kong (Ouyang Ru Yin, 1989; Lu Hong Ji, 1990; Jiang Feng, 1995), dan Singapura (Qu Jun Ming, 1995) telah menjalani penyelidikan terhadap golongan pelajar sekolah menengah untuk memperoleh respons mereka terhadap bahan pengajaran bahasa Cina. Jelas sekali, pandangan pelajar telah dijadikan rujukan yang penting dalam penyusunan kandungan buku teks.

Bahan pengajaran bahasa Cina edisi baru yang digunakan oleh sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia pada hari ini mempunyai perbezaan dengan bahan pengajaran edisi pertama yang diterbitkan pada tahun-tahun 1984 – 1988, dari segi cara penyuntingan dan penyusunan kandungan. Sejak pelaksanaan bahan pengajaran ini dari tahun 1993 hingga hari ini, walaupun respons pelajar terhadap penerimaan bahan pengajaran baru ini dapat dilihat melalui pencapaian peperiksaan, akan tetapi, masih kekurangan penyelidikan ilmiah dan piawaian penilaian yang jelas terhadap keupayaan pembelajaran dan

perkembangan mental. Oleh yang demikian, pengaruh bahan pengajaran baru ini terhadap pelajar masih tidak dapat diketahui secara menyeluruh.

Bahagian Sukatan Pelajaran pernah menyuarakan satu forum<sup>2</sup> pendidikan bahasa Cina bahawa walaupun pendapat telah diperoleh daripada pakar institusi tinggi luar negara dan dalam negara, sarjana dan guru, ketika penyusunan dan penulisan bahan pengajaran bahasa Cina tingkatan menengah rendah, akan tetapi, bahan pengajaran ini tidak pernah disemak semula sejak ia digunakan, dan kajian menyeluruh tentang respons pelajar terhadap bahan pengajaran bahasa Cina juga tidak pernah dilakukan.<sup>3</sup> Setakat ini, cuma terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Bahagian Sukatan Pelajaran dari Februari 1996 hingga November 1996. Sampel kajian telah diperolehi secara rawak daripada enam orang guru dan segolongan pelajar dari lima buah sekolah menengah persendirian Cina, iaitu Sekolah Menengah Yuk Choy di Ipoh, Sekolah Menengah Kluang di Johor, Sekolah Menengah Foon Yew di Johor Bahru, Sekolah Menengah Perempuan Kuen Cheng di Kuala Lumpur, dan Sekolah Menengah Hin Hwa di Kelang. Namun, hasil kajian tersebut tidak dapat dijadikan rujukan yang berkesan kerana kajian tersebut hanya dijalankan berdasarkan sampel rawak semata-mata.

Dari April hingga Mei tahun 1999, Bahagian Sukatan Pelajaran pernah memperoleh pandangan dan komen daripada segolongan kecil guru bahasa

---

<sup>2</sup> Forum ini diadakan di Universiti Jinan, Guangzhou, China pada 22 - 24 Ogos, 1994.

Cina tentang bahan pengajaran bahasa Cina, tetapi didapati tiada juga kajian menyeluruh yang dilakukan terhadap komen pelajar. Sehingga kini, kajian yang pernah dilakukan oleh Bahagian Sukatan Pelajaran hanya merangkumi sampel pelajar dan guru yang telah dipilih secara rawak sahaja.

Sebagai seorang guru bahasa Cina dari Maktab Perguruan, penyelidik amat prihatin terhadap sukanan pelajaran dan bahan pengajaran bahasa Cina di negara ini. Berdasarkan pengalaman mengajar bahasa Cina selama 4 tahun di sekolah menengah persendirian Cina di negara ini, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan pelajaran dalam buku teks tidak dapat menarik minat pelajar. Sesetengah pelajarannya pula didapati ketinggalan zaman. Terdapat juga sesetengah pelajaran yang terlalu padat dengan nasihat. Pada masa yang sama, terdapat pelajaran yang menarik daripada buku lama tetapi tidak dimasukkan ke dalam buku teks baru. Para pelajar pula sering mengadu bahawa pelajaran dalam buku teks itu membosankan.

Sebagai kesimpulan, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian ilmiah perlulah dilakukan mengenai respons pelajar terhadap bahan pengajaran bahasa Cina untuk mengenal pasti pandangan pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran bahasa Cina. Pada masa yang sama, perhatian juga perlu diberikan untuk memperoleh komen atau pandangan yang menyeluruh tentang bahan pengajaran bahasa Cina edisi baru, di samping keperluan dan harapan pelajar terhadap buku teks bahasa Cina. Ini adalah kerana proses penggunaan dan

penghasilan buku teks yang menyeluruh harus merangkumi respons dan pandangan praktik sebagai panduan dan rujukan apabila buku teks berkenaan dicetak semula pada masa akan datang.

## **1.6 Langkah Dan Kepentingan Kajian**

Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan terdahulu, objektif kajian ini adalah untuk menyelidiki pandangan pelajar terhadap bahan pengajaran bahasa Cina tingkatan menengah rendah di sekolah menengah persendirian Cina. Antara aspek penting yang dijadikan tumpuan kajian ini termasuklah:

1. kesesuaian buku teks bahasa Cina yang digunakan oleh pelajar,
2. sama ada buku teks yang digunakan itu memenuhi keperluan pembelajaran yang sebenar,
3. masalah akibat penggunaan buku teks bahasa Cina, dan
4. membuat rumusan kajian.

Aspek-aspek yang dijadikan tumpuan kajian ini memperlihatkan kesan penting terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina. Justeru itu, borang soal selidik telah disediakan kepada pelajar-pelajar di tiga buah sekolah menengah persendirian Cina. Di samping itu, satu lagi borang soal selidik juga dilengkapkan oleh para guru, penyelidik mengaji apakah persepsi guru terhadap buku teks yang kini sedang digunakan oleh mereka sebagai sumber pengajaran bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan tersebut. Selain daripada itu,

kajian ini juga melibatkan sesi temu ramah dengan Ahli Jawatankuasa di Dong Jiao Zong, Pensyarah Jabatan Tionghua di Kolej New Era, Ketua Unit Pengajian Cina di Maktab Perguruan Tuanku Bainun, dan Ketua Panitia bahasa Cina dan guru-guru di sekolah menengah rendah. Oleh itu, menerusi kajian ini, cadangan konkret akan dikemukaan sebagai panduan kepada sarjana yang ingin mengkaji buku teks bahasa Cina sekolah menengah persendirian Cina secara lebih lanjut pada masa akan datang.

### **1.7 Kesimpulan**

Kajian ini dibahagikan kepada 5 bahagian:

Bab 1 akan menyentuh latar belakang kajian. Bab 2 pula akan menghuraikan sejarah perkembangan pendidikan bahasa Cina sekolah menengah di Malaysia. Dalam hal ini, keadaan buku teks bahasa Cina yang sedia ada akan dibincangkan berdasarkan prinsip penyuntingan dan kesan pembelajaran para pelajar tingkatan menengah rendah.

Bab 3 meliputi sampel borang soal selidik yang telah dikumpul. Sampel soal selidik akan diproses, dianalisa, dan dihuraikan secara mendalam. Seterusnya, Bab 4 akan memerihalkan buku teks bahasa Cina sekolah menengah rendah dan dihuraikan berdasarkan kerangka kerja kajian. Rumusan dan cadangan kajian akan dikemukakan dalam Bab 5.